

"Kerajaan kaji bina insinerator baru

BUKIT MERTA JAM 8 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan sedang mengkaji pembinaan insinerator baru yang kosnya lebih rendah, berteknologi tinggi dan tidak menjejaskan kesihatan serta alam sekitar bagi menggantikan pembinaan insinerator di Broga, Semenyih.

Timbalan Perdana Menteri berkata, insinerator yang menepati ciri-ciri tersebut boleh dipertimbangkan untuk dibina di lokasi yang sesuai di Selangor pada masa depan.

"Kerajaan tidak menolak insinerator tetapi ia mesti dalam lingkungan kemampuan kita, maknanya kosnya jangan terla-

UM: 9/7/2007
lu tinggi, teknologi mesti terbukti dan yuran penyelenggaraan mesti dalam lingkungan kemampuan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Batu Kawan, di sini hari ini.

Semalam, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, sebuah insinerator tetap akan dibina bagi memenuhi keperluan pengurusan sampah sarap penduduk di negeri tersebut ekoran pembatalan projek pembinaan insinerator di Broga, kelmarin.

Mohamad Khir berkata, tapak baru akan

dikenal pasti untuk melupuskan sampah sarap yang dihasilkan penduduk negeri itu yang berjumlah 130,000 tan sehari.

Ini kerana dua tapak pelupusan sampah sedia ada hanya boleh menampung keperluan kurang dari 10 tahun.

Najib berkata, kos yang rendah tersebut bagi memastikan majlis perbandaran atau daerah tidak terpaksa menaikkan cukai tanah atau mengenakan bayaran tertentu.

"Ia tidak semestinya di Broga tetapi boleh di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai," jelasnya sambil menambah kajian mengenainya sedang dijalankan oleh kerajaan.